



SELAMAT DATANG
KE TAMAN REKREASI PAYA BAKAU
SIJANGKANG
"EDU - RECREATION"

SEBAHAGIAN warga UPM yang terlibat dalam program MEITA Showcase di Taman Rekreasi Paya Bakau Kampung Sijangkang, Kuala Langat, Selangor baru-baru ini.



UPM dididik komuniti peliharaan ekosistem paya bakau

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

PEMULIHARAAN ekosistem akuatik memerlukan usahasama semua termasuk pihak akademik dan masyarakat secara holistik.

Bagi mencapai objektif tersebut, Fakulti Pertanian (FP), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan program pemindahan ilmu 'Sustainable Aquatic Resource Management in Mangrove Ecosystems Via Internet of Things Application' (MEITA) Showcase.

Usaha itu bagi memperkasakan komuniti dengan pemindahan ilmu menerusi Internet Benda (IoT).

Dekan FP UPM, Prof. Dr. Loh Teck Chwen berkata, inisiatif MEITA Showcase telah bermula dari tahun 2020 hingga 2021, di mana sistem IoT telah dipasang di kawasan paya bakau di sekitar Taman Rekreasi Paya Bakau Kampung Sijangkang, Telok Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor.

"Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada komuniti yang cakna tentang kepentingan keseimbangan ekosistem paya bakau dalam kehidupan harian kita.

"Pendedahan penyelidikan oleh UPM kepada masyarakat terutamanya kepada pelajar adalah untuk memastikan keberkesanan inisiatif memelihara hutan paya bakau bagi kesejahteraan masyarakat," katanya.

Dia berkata demikian ketika berucap pada sambutan 'International Day Of The Tropics' yang diadakan di Taman Rekreasi Paya Bakau Kampung Sijangkang baru-baru ini.

Program tersebut dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Prof. Dr. Azlinda Azman.

Teck Chwen berkata, program tersebut secara tidak langsung dapat memupuk minat golongan belia dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)



AZLINDA (duduk) berkesempatan menanam anak pokok bakau di kawasan Taman Rekreasi Paya Bakau Kampung Sijangkang.

serta menghasilkan lebih ramai tenaga pakar bidang itu masa hadapan untuk melestarikan alam semula jadi.

Mengulas lanjut mengenai permulaan program tersebut, Pengarah MEITA Showcase, Prof. Madya Dr. Natrah Fatin Mohd. Ikhsan memberitahu, program itu bermula dengan dana daripada European Union bagi membolehkan UPM melaksanakan projek menjaga ekosistem akuatik dalam hutan paya bakau yang dipantau menerusi teknologi IoT.

"Program MEITA melibatkan UPM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

"Ia juga turut melibatkan universiti dari luar negara seperti Thailand, China, Australia, Belgium, Bangladesh dan lain-lain lagi," katanya.

Tambahnya, dana program tersebut yang berjumlah RM900,000 diperolehi semasa pandemik Covid-19 melanda dunia pada 2019.

Untuk permulaan, program tersebut dilaksana secara webinar atau persidangan secara maya melibatkan pelajar sekolah dan universiti.

Jelasnya lagi, segala program

berkaitan MEITA boleh dirujuk di laman sesawang khas, meita.org.my.

"Program MEITA kemudiannya diteruskan oleh pihak kami dengan ahli Persatuan Taman Rekreasi Paya Bakau Kampung Sijangkang.

"Ahli persatuan tersebut memperkenalkan kami dengan kawasan paya bakau yang sebelum ini merupakan tempat pembuangan sampah sebelum ditebus guna menjadi edu rekreasi dan lokasi lebih 10 program ilmiah.

"Melalui projek ini, kita letakkan sistem IoT bagi memantau kualiti tanah dan paras air dengan bantuan penerima atau sensor. Data-data boleh dirujuk di laman sesawang MEITA," ujarnya.

Dalam pada itu, seramai 400 peserta telah menyertai program tersebut dalam kalangan pelajar sekolah dan komuniti setempat.

Antara aktiviti yang dijalankan di MEITA Showcase tersebut melibatkan ceramah ilmiah, 'Jom Mengenal Bakau', National Treasure Hunt dan penanaman semula pokok bakau.

Bagi pelajar Sarjana Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Nurizzati Mohd. Fazli, 26, MEITA Showcase telah memberi peluang kepada dirinya untuk mengetahui kepentingan menjaga alam sekitar daripada pencemaran dan hakisan tidak terkawal.

"Hutan paya bakau bukan sahaja mengelak daratan daripada terhakis akibat fenomena alam, malah ia merupakan kawasan hidupan laut tinggal.

"Pemantauan IoT adalah langkah terbaik untuk mengawal ekosistem daripada terjejas akibat aktiviti alam dan manusia yang tidak dipantau," katanya.

Program tersebut secara keseluruhan melibatkan fakulti dan institut di bawah UPM, antaranya Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan, Institut Biosains (IBS) dan Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP).